

# ASP: KRISIS PAS MULA

## Sebuah ranting dibubarkan

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia



● DATUK ASRI  
HAJI MUDA

**KUALA LUMPUR, Isnin.** — Perletakan jawatan Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Haji Mohd. Asri Muda, yang diramal akan memecah-belahkan parti tersebut mula memuncak buktinya apabila ranting PAS Kampung Teluk Gung, Pelabuhan Kelang yang mempunyai 100 orang ahli dibubarkan malam tadi.

Pembubaran itu dibuat dalam satu mesyuarat jawatankuasa ranting di sebuah rumah salah seorang pemimpinnya ekoran daripada perletakan jawatan Datuk Haji Mohd. Asri kelmarin.

Jurucakap bekas jawatankuasa ranting tersebut memberitahu Bernama, tanpa Datuk Asri sebagai

Presiden PAS: "Parti itu tidak dapat bergerak mengikut landasan yang telah ditentukan, malah akan lebih menguruhkan lagi suasana dalam parti itu."

Datuk Haji Mohd. Asri meletakkan jawatannya di Mukhtar ke-28 PAS kelmarin setelah menerima tekanan dari perwakilan sehingga menyebabkan berlaku beberapa kekecohan di Mukhtar tersebut.

Turut meletakkan jawatan ialah Setiausaha Agungnya, Datuk Haji Abu Bakar Umar, Bendahari Agung, Haji Hassan Mohamad dan Ketua Dewan Muslimat, Hajah Sakinah Joned (isteri Datuk Asri).

Jurucakap ranting PAS yang dibubarkan itu berpendapat perletakan jawatan Datuk Asri disebabkan oleh tekanan dari sebilangan pemimpin yang mahu merelut jawatan tertinggi dalam PAS, khaanya jawatan Presiden, dengan bersebelang di sebalik Dewan Ulama.

Belau mengaku bahawa di akhir-akhir ini Datuk Asri bertindak agak lunak sedikit dalam kepimpinan parti, tetapi katanya, itu tidak bererti Datuk Asri lemah dalam tindakannya.

"Sebilangan pemimpin yang gila kuasa dalam PAS telah menyalahtiriskan keadaan itu dan inilah yang dimaksudkan oleh Datuk Asri sebagai telah mengharubirukan PAS," katanya.

Bagaimanapun, jurucakap itu enggan menjangkakan apakah bekas anggota PAS ranting itu akan menyertai parti lain atau tidak.